

# Buletin PFFG

*Pusat Pengajian Fizik Gunung*

Jilid.1 No. 1, 2010  
JANUARI

NO. ISSN 2180-060X

*"Maka apabila langit telah terbelah dan menjadi merah mawar seperti  
(kelipan) minyak."*

[Surah Ar-Rahman, ayat 37]



BENGKEL MoU UKM-KAIST

MALAYSIAN TECHNOLOGY  
EXHIBITION (MTE)

SYARAHAN PERDANA PROFESOR

ITEX 2009

SUMMER SCHOOL UKM-KAIST

HARI KELUARGA PFFG 2009

ISSN 2180-060X



9 772180 060006

## SIDANG PENGARANG

**Penaung:**

Prof. Dr. Musa Ahmad  
(andong@ukm.my)

**Penasihat:**

Prof. Dr. Shahidan Radiman  
(shahidan@ukm.my)  
Prof. Dr. Abdul Razak Daud  
(ard@ukm.my)

**Ketua Editor:**

Dr. Norinsan Kamil Othman  
(insan@ukm.my)

**Editor Bersekutu:**

Rusli Yahya  
(rby@ukm.my)

**Setiausaha:**

Idris Zulkifle  
(idris@ukm.my)

**Pereka:**

Roslan Din  
(roslan.din@ukm.my)

**Jurugambar:**

Tazidi Taib  
(zidie@ukm.my)  
Hj Razali Datau  
(razli@ukm.my)

**Penyunting:**

Hafizah Bazal Ahmad  
(hafyzah@ukm.my)

**Wartawan Umum:**

Yusri Adzir  
(yusada@ukm.my)

**Wartawan Fizik:**

Wan Mohd Aimran  
(wanaimran@gmail.com)

**Wartawan Sains Bahan:**

Sharifah Nabihah Syed Jaafar  
(nabihah@ukm.my)

**Wartawan Sains Nuklear:**

Norsyahidah Mohd Hidzir  
(syahidah@ukm.my)

**Tugas-tugas Khas:**

Endy Feylani Sidik



**Bismillahirrahmanirrahim**

Kepada semua Pembaca  
Buletin PPFEG,  
Assalamualaikumwarah-

matulahiwarabarakatuh. Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. yang mempertemukan kita di dalam ruangan ini. Pertama kalinya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Buletin Pusat Pengajian Fizik Gunaan kerana telah berjaya menerbitkan buletin PPFEG yang pertama. Diharapkan dengan terbitnya Buletin PPFEG ini akan dapat memberi maklumat kepada warga PPFEG dan juga pembaca di dalam dan luar UKM tentang segala aktiviti akademik dan ko-kurikulum yang telah dan akan dilaksanakan di PPFEG termasuklah berita kekeluargaan. Tujuan utama penerbitan buletin PPFEG ini adalah untuk menyebarkan maklumat kepada seluruh kakitangan tentang perkembangan yang telah berlaku di Pusat Pengajian Fizik Gunaan bagi sesuatu penggal. Diharapkan sebanyak 3-4 naskah keluaran akan diterbitkan untuk setiap tahun termasuk juga penerbitan dalam bentuk elektronik. Penerbitan ini juga adalah selaras dengan matlamat UKM untuk meningkatkan citra dan keterlibatannya dengan masyarakat umum. Di samping itu juga, dengan penerbitan buletin ini diharapkan kakitangan PPFEG akan dapat mengekalkan semangat dan komitmen kepada tugas yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. dalam bentuk satu pasukan atau keluarga sesuai dengan tuntutan ayat al-Quran, surah Al-Imran (3) ayat 103:

***“Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan jangan bercerai berai”.***

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.

**PROF. DR. SHAHIDAN RADIMAN**  
**Pengerusi**  
**Pusat Pengajian Fizik Gunaan**

## BENGKEL KERJASAMA MoU UKM-KAIST

Oleh: Norsyahidah Binti Mohd Hidzir

Bertempat di Hotel Equatorial, Bangi pada 8-9 Januari 2009 telah berlangsungnya satu perbincangan antara UKM dan Korea Advanced Institute of Science & Technology (KAIST) mengenai kerjasama dalam bidang akademik iaitu bidang sains nuklear dan teknologi kejuruteraan. MoU yang ditandatangani ini bertujuan untuk mengeratkan lagi aktiviti-aktiviti pendidikan dan penyelidikan bersama antara UKM dan KAIST.

Selain itu, UKM juga bercadang untuk mengadakan satu program sarjana dalam bidang sains nuklear. Justeru, perbincangan yang dihadiri oleh semua pensyarah Program Sains Nuklear, wakil-wakil dari Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Undang-undang, Jabatan Pendaftar, Dekan FST, Pengerusi Pusat Pengajian Fizik Gunaan dan Pusat Pengajian Sains Kimia & Teknologi Makanan, wakil dari Agensi Nuklear Malaysia (MNA) dan pensyarah-pensyarah dari KAIST ini menjurus kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan secara bersama serta perbincangan mengenai kursus-kursus yang berkemungkinan ditawarkan pada peringkat Sarjana (Radiasi & Keselamatan Nuklear) dan juga program Summer School yang dijangka berlangsung pada bulan Mei 2009.



Menandatangani MoU kerjasama antara UKM dan KAIST

bagi melahirkan dan mempersiapkan para saintis dalam pembangunan dan pembinaan reaktor tenaga nuklear pertama negara pada masa hadapan.

## SYARAHAN KENANGAN UNGKU OMAR KE-10

Oleh: Norsyahidah Mohd Hidzir

Satu syarahan khas yang dianjurkan oleh PPFG telah diadakan pada 9 Julai 2009 bertempat di Dewan Anuar Mahmud, FST. Syarahan bertajuk "Capacity Building for Nuclear Energy in Malaysia" telah disampaikan oleh perunding kanan pelawat, Dr. Paulo Barretto. Syarahan Kenangan Ungku Omar kali ke-10 ini buat julung kalinya diadakan di Fakulti Sains & Teknologi bagi mengingati jasa dan pengorbanan pejuang UKM iaitu Dato' Ungku Omar Abdul Aziz.



Delegasi KAIST dan UKM bergambar kenangan bersama

Perbincangan turut menyentuh perihal aktiviti-aktiviti yang boleh dimajukan secara bersama antara UKM dan KAIST serta pengharmonian kolaborasi MoU yang bakal ditandatangani antara UKM dan KAIST. Antara yang terkandung dalam dokumen pengharmonian MoU antara UKM dan KAIST ialah :

- Pertukaran pelajar antara kedua-dua universiti untuk program latihan, termasuk program ijazah dan bukan ijazah
- Kegiatan akademik dan kolaborasi penyelidikan di dalam bidang-bidang yang menarik minat kedua-dua belah pihak
- Pertukaran bahan-bahan saintifik dari pihak UKM dan KAIST
- Pertukaran kakitangan akademik dalam membangun dan memajukan lagi kegiatan-kegiatan akademik

Perbincangan-perbincangan yang telah dijalankan berjaya mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh kedua-dua belah pihak. Dengan kerjasama erat ini, pembangunan dan penyelidikan dalam bidang sains nuklear dan kejuruteraan dapat diperkukuh dan dipergiatkan lagi. Kerjasama ini telah memberi sinar dan manfaat yang amat berguna kepada UKM khususnya bagi memajukan lagi dan mengangkat bidang Sains Nuklear ke peringkat yang lebih tinggi supaya negara kita Malaysia dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan iaitu

## SYARAHAN PERDANA PROFESOR

Oleh: Wan Mohd Aimran

Prof. Dr. Muhamad Mat Salleh telah menyampaikan Syarahan Perdana Profesor beliau yang bertajuk "Filem Nipis Bahan Organik dan Peranti Elektronik" pada 31 Julai 2009 yang bertempat di Bilik Senat, Bangunan Canselori UKM. Beliau juga merupakan profesor di Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN).

**SUMMER SCHOOL UKM-KAIST 2009**

Oleh: Norsyahidah Binti Mohd Hidzir



Peserta Summer School UKM-KAIST 2009

Program Summer School yang julung kali diadakan di UKM ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang tenaga nuklear kepada para peserta. Aktiviti Summer School ini adalah merupakan kesinambungan daripada perjanjian MoU yang telah ditandatangani di antara UKM dan Korea Advanced Institute of Science & Technology (KAIST) pada 9 Januari 2009. Antara yang terkandung di dalam perjanjian MoU tersebut ialah UKM bercadang mengadakan Program Sarjana dalam bidang ini pada masa depan. Justeru, pembangunan kapasiti (capacity building) perlu mula digerakkan di kalangan pensyarah-pensyarah muda supaya apa yang diimpikan oleh UKM dapat dicapai dan direncanakan dengan sebaik mungkin.

Summer School yang dijalankan selama 2 minggu di Danau Golf Resort, UKM ini telah berjaya menarik minat ramai pihak dari dalam dan luar UKM. Peserta yang hadir pada Summer School yang bermula dari 25 Mei hingga 5 Jun 2009 ini terdiri daripada wakil-wakil TNB, UNITEN, AELB, ANM, MNS, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina serta Program Sains Nuklear yang mewakili UKM. Summer School ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Dekan FST iaitu Prof. Dr. Musa Ahmad. Seramai 4 orang profesor dari KAIST telah dipertanggungjawabkan bagi memberi kuliah kepada para peserta. Kuliah- kuliah yang disampaikan seperti Nuclear Thermal Hydraulics oleh Prof. Dr. Jong Hyun Kim, Introduction to Nuclear Engineering oleh Prof. Dr. Changheui Jang, Nuclear Reactor System Engineering oleh Prof. Dr. Hee Cheon No, dan Introduction to Nuclear Reactor Theory oleh Prof. Dr. Nam Zin Cho adalah sangat menarik dan bermanfaat untuk dipelajari dan diaplikasikan untuk agensi masing-masing. Kepakaran dan pengalaman profesor-profesor dari KAIST ini dalam bidang nuklear serta pengalaman negara mereka iaitu Korea Selatan dalam membangunkan sendiri teknologi dan reaktor tenaga nuklear telah memberi inspirasi kepada UKM untuk menjalankan program seumpama ini supaya perkongsian dan pertukaran ilmu dapat diteruskan dan dimanfaatkan secara menyeluruh oleh semua pihak. Majlis penutup program Summer School telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Salmijah Surif. Maklum balas yang telah diterima dari para peserta amatlah positif dan mengharapakan agar program seumpama ini diadakan pada masa hadapan.

**MAJLIS SYARAHAN UMUM PROF. JONG HYUN KIM**

Oleh: Norsyahidah Binti Mohd Hidzir

Pada 21 Mei 2009, Program Sains Nuklear telah mengadakan satu Syarahan Umum yang telah disampaikan oleh seorang profesor pakar kejuruteraan nuklear dari KAIST iaitu Prof. Jong Hyun Kim. Syarahan yang bertajuk "The Global Carbon Challenge & Nuclear Power" ini telah diadakan di Dewan Tun Abdullah Salleh (DK43.102), UKM. Syarahan yang bermula pada pukul 9.00 pagi ini telah dihadiri oleh lebih daripada 100 orang tetamu yang terdiri daripada agensi-agensi luar seperti Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), IPTA-IPTA seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UiTM serta pelajar-pelajar ijazah lanjutan UKM. Syarahan umum ini juga mendapat perhatian daripada pihak akhbar iaitu dari akhbar Utusan Melayu.

Prof. Jong Hyun Kim yang memiliki kepakaran dalam kejuruteraan nuklear ini telah berjaya membawa para hadirin menyoroti kepentingan alam sekitar serta kesan-kesan yang mungkin berlaku jika kita berterusan menggunakan teknologi yang sentiasa membebaskan gas-gas pemusnah kesihatan antaranya, gas karbon. Prof. Kim juga telah mengutarakan teknologi-teknologi yang boleh digunapakai dan disahkan penggunaannya dalam menangani ancaman gas karbon pada persekitaran amnya dan pada manusia khususnya. Salah satu teknologi yang unggul yang boleh digunapakai serta mesra alam ialah teknologi tenaga nuklear.

Prof. Kim juga turut berkesempatan menonjolkan statistik-statistik penggunaan tenaga di Malaysia dan secara tidak langsung juga memperlihatkan potensi Malaysia dalam membangunkan teknologi tenaga nuklear sebagai sebuah teknologi yang unggul, bersih, hijau dan berterusan. Di akhir syarahan tersebut, segala persoalan dan kemusykilan yang dibangkitkan telah berjaya dijawab oleh Prof. Kim dengan bukti-bukti yang sangat meyakinkan. Syarahan ini berjaya membangkitkan kesedaran awam tentang cabaran global karbon dan kesannya.



Prof. Jong Hyun Kim menyampaikan syarahannya



Majlis Perasmian Syarahan Umum Prof. Jong Hyun Kim

**HARI KELUARGA PPFG 2009**

Oleh: Wan Mohd Aimran

Program Hari Keluarga PPFG 2009 telah dilangsungkan pada 6 - 7 Jun 2009 di Hotel Impian Morib, Banting Selangor.

Upacara perasmian program telah disempurnakan oleh mantan Pengerusi PPFG, Prof. Dr. Abdul Razak Daud. Seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik dan sokongan PPFG berserta ahli keluarga mereka telah menyertai program yang telah memasuki tahun keempatnya ini.

Pada kali ini, PPFG telah menerima sumbangan daripada pelbagai pihak untuk menjayakan program Hari Keluarga tersebut.

Selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kakitangan, program ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan persefahaman dan semangat kekitaan di kalangan ahli PPFG, sekaligus menyumbang kepada suasana kerja yang harmoni dan berkesan selain memantapkan kualiti kerja ahli PPFG.


Berikut merupakan butiran program Hari Terbuka dari tahun pertama sehingga tahun ke-empat:

<b>2009</b>	<i>Program Hari Keluarga PPFG ke-4</i>	Tarikh: 6-7 Jun Tempat: Hotel Impian Morib, Banting, Selangor
<b>2008</b>	<i>Bengkel Kerja Berkualiti dan Hari Keluarga PPFG ke-3</i> Tema: Mengangkasakan Budaya Kerja Berkualiti	Tarikh: 18-19 Oktober Tempat: Sungai Klah Hot Spring Park, Sungkai, Perak
<b>2007</b>	<i>Bengkel Kualiti Kerja Kakitangan dan Hari Keluarga PPFG ke-2</i> Tema: Kerja Berkualiti Budaya Terbilang	Tarikh: 29-30 Disember Tempat: Pasir Salak Resort, Pasir Salak, Kg. Gajah Perak
<b>2006</b>	<i>Bengkel Peningkatan Kualiti Kerja dan Semakan Kurikulum PPFG</i>	Tarikh: 23-24 Disember Tempat: Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan



**Malaysia Technology Exhibition (MTE)**

Oleh : Sharifah Nabihah Binti Syed Jaafar



Prof. Dr. Sahrim dengan anugerah dan sijil yang dimenangnya

Pada 19-21 Februari 2009 yang lepas, tiga orang penyelidik daripada PPGF telah menyertai pameran Malaysia Technology Exhibition (MTE) yang berlangsung di PWTC. Pameran ini dianjurkan oleh Malaysian Association of Research Scientists (MARS).

Tiga penyelidik tersebut ialah Prof. Dr. Sahrim Hj. Ahmad dengan 3 penyertaan manakala Prof. Dr. Sarani Zakaria dan Dr. Chia Chin Hua dengan 4 penyertaan daripada kesemua 56 penyertaan yang dihantar oleh UKM. Dalam pertandingan ini, mereka telah berjaya membawa pulang beberapa buah pingat. UKM juga telah memenangi tempat kedua terbaik bagi kategori '**Special Design Booth**'. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pemenang.

<b>Nama Penyelidik</b>	<b>Tajuk Kajian</b>	<b>Pingat</b>
Prof. Dr. Sahrim Hj Ahmad	Innovative Biocomposites for Automotive Component	GANGSA
Prof. Dr. Sahrim Hj Ahmad	Innovative Materials for Radiation Protection Application	GANGSA
Prof. Dr. Sarani Zakaria/Dr. Chia Chin Hua	Green Molded Liquefied Soda Lignin Filled with EFB	GANGSA
Prof. Dr. Sarani Zakaria/Dr. Chia Chin Hua	Magnetic Rubber Wood	GANGSA
Prof. Dr. Sarani Zakaria/Dr. Chia Chin Hua	Solvolytic of Wood Oil Using Nano Iron Oxide Catalyst	GANGSA

**ITEX**

Oleh : Sharifah Nabihah Binti Syed Jaafar

UKM telah menyertai pameran ITEX '09 pada 15-17 Mei 2009 yang lalu bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). Pameran ini dianjurkan oleh Malaysian Invention and Design Society (MINDS). Dalam pertandingan ini, UKM telah menghantar sebanyak 55 produk penyelidikan. Pusat Pengajian Fizik Gunaan telah memenangi 2 pingat iaitu 1 perak dan 1 gangsa, hasil daripada penyelidikan bersama oleh Prof. Dr. Sarani Zakaria dan Dr. Chia Chin Hua. Tahniah dan syabas kepada semua pemenang dan semua yang telah menjayakan pameran ini.

<b>Nama Penyelidik</b>	<b>Tajuk Kajian</b>	<b>Pingat</b>
Prof. Dr. Sarani Zakaria/ Dr. Chia Chin Hua	Nano Ferrite Magnetic Paper Via In Situ Synthesis Method	PERAK
Prof. Dr. Sarani Zakaria/ Dr. Chia Chin Hua	Green Technology for Green Material	GANGSA



Prof. Dr. Sarani dan Dr. Chia Chin Hua bersama anugerah yang dimenangi



Medal yang dimenangi di MTE dan ITEX

### Keterangan Ayat al-Qur'an

Oleh : Yusri Bin Adzir

Ayat al-Qur'an di muka depan menerangkan kepada kita tentang apa yang akan berlaku kepada suatu bintang apabila telah tiba saat akhir hayatnya. Bintang-bintang di langit mengalami proses kelahiran dan kematian. Salah satu daripada peringkat kematian sesuatu bintang adalah apabila ia meletup dan bertukar menjadi nebula. Pembentukan nebula ini memakan masa ribuan tahun dan cahayanya memakan masa ribuan tahun juga untuk sampai ke bumi.

Salah satu daripada nebula yang telah berjaya dikesan adalah nebula yang dipanggil 'Nebula Mata Kucing'. Cahaya dari nebula ini telah berjaya dikesan oleh teleskop Hubble dan dianggarkan berusia 1000 tahun.

Pengenalan saintifik bagi nebula ini adalah NGC6543 dan ia terletak di kawasan utara buruj Draco. Jarak nebula ini adalah 3000 tahun cahaya dari bumi. Allah s.w.t telah membayangkan kepada manusia iaitu apabila sesuatu bintang mengalami kemusnahan, cahaya yang akan dihasilkan itu akan kelihatan seperti bunga mawar atau ros yang warnanya mengandungi pelbagai warna yang berkilat. Maka penemuan melalui teleskop Hubble tersebut membenarkan kata-kata Allah s.w.t di dalam ayat di atas. Mari kita berfikir sejenak!

### Ceramah oleh Tokoh-Tokoh PPFG

#### Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman

- Penceramah jemputan untuk Kongres Islam Sarawak bertempat di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak, 10-12 Februari 2009. Tajuk: 'Perkembangan Pesat Media Alternatif: Cabaran & Ancaman dalam Pembentukan & Pemupukan Jati diri', anjuran Kerajaan Negeri Sarawak.

- Penceramah jemputan untuk Seminar Keajaiban al-Quran Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi pada 12 Mac 2009 bertempat di Auditorium Kompleks E, Putrajaya

- Penceramah jemputan untuk Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Islam 2009 (ISCO 09) pada 25 Julai 2009. Tajuk: 'Ke Arah Pemantapan Mahasiswa Islam' anjuran Dewan Amal Islam Hadhari (DAMAI) bertempat di Hotel Putera, Kuala Lumpur.

- Penceramah jemputan untuk World Renewable Energy Council/Network (WREN) International Seminar in Britain (Seminar no 0080) pada 9-15 Ogos 2009. Tajuk: 'Innovative Approach in Solar Crops Drying' organized by World Renewable Energy Network, ISESCO, Elsevier, and National Renewable Energy Laboratory (NREL), USA bertempat di World Renewable Energy Network, ISESCO, Elsevier, dan National Renewable Energy Laboratory (NREL), USA



Nebula NGC6543 Sumber : <http://hubblesite.org/>

#### Prof. Dr. Shahidan Radiman

- Penceramah jemputan untuk Seminar Pemikiran Fizik Semasa anjuran Akademi Sains Islam Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat FST, UKM pada 18 April 2009. Tajuk: "Beberapa Aspek Kosmologi Islam dan kaitannya dengan Fizik Moden"

- Penceramah keynote untuk Seminar UKM-Universitas Indonesia pada 26 Jun 2009 dengan tajuk "Nanomaterials Synthesis and Applications work at UKM"

- Penceramah jemputan untuk Fundamental Science Congress anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), 8 Jun 2009 dengan tajuk "Nanomaterials for Technology Applications"

- Penceramah jemputan untuk IKIM International Conference "Muslim & the Frontiers of Knowledge in 21<sup>st</sup> Century" pada 28-29 Julai 2009. Tajuk ceramah: "Significant Development in Physics & its related discipline"

## TAHNIAH

<u>Nama kakitangan</u>	<u>Butiran</u>
Prof. Dr. Roslan Abd. Shukor	Lantikan sebagai Ketua Kelompok Sains Bahan Termaju di bawah Nic Nanoteknologi dan Bahan Termaju (18/08/2009 – 17/08/2011)
Dr. Roslinda Shamsudin	Lantikan sebagai Penyelaras Siswazah Sains Bahan dan Sains Nuklear PPFG (16/08/2009 – 15/08/2011)
YBhg. Prof. Dato' Dr. Baharuddin Yatim	Lantikan sebagai Felo Utama Bersekutu di Institut Sains Angkasa (13/08/2009 – 12/08/2011)
Cik Sharifah Nabihah Syed Jaafar	Lantikan sebagai Pensyarah Sementara DS45 (13/08/2009)
YBhg. Prof. Dato' Dr. Baharuddin Yatim	Lantikan ke jawatan Profesor Gred Khas B (Kontrak) (30/07/2009)
P.M. Dr. Ahmad Puaad Othman	Lantikan sebagai Ketua Program Fizik bagi menggantikan Prof. Dr. Supian Samat (19/07/2009 – 18/07/2012)
Dr. Noor Baa'yah	Lantikan sebagai Penyelaras Siswazah Fizik (19/07/2009)
P.M. Dr. Muhamad Samudi Yasir	Lantikan semula sebagai Ketua Program Sains Nuklear (19/07/2009 – 18/07/2011)
Prof. Dr. Shahidan Radiman	Lantikan sebagai Pengerusi Pusat Pengajian Fizik Gunaan (07/07/2009 - 06/07/2012)
Dr. Rozaidi Rasid	Lantikan sebagai Ketua Program Sains Bahan (15/04/2009 – 14/04/2012)
YBhg. Prof. Dr. Sahrim Hj. Ahmad	Lantikan sebagai Timbalan Dekan (Prasiswazah, Alumni dan Hubungan Masyarakat) (02/02/2009)
Encik Rusli Yahya	Kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Sains C48 (20/08/2009)
Encik Razali Datau	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal Tertinggi C26 (06/08/2009)
Encik Saini Sain	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (01/08/09)
Encik Zailan Mohd Yusof	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (06/08/2009)
Encik Abu Bakar Palidin	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) N17 (02/07/2009)
Puan Noor Hayati Naim	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) N17 (02/07/2009)
Puan Habsah Hj. Baba	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) (01/07/2009)
Puan Siti Hawa Saharin	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (S) N22 (KUP) (01/07/2009)
Encik Rosli Zainuddin	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (01/07/2009)
Encik Mastor Kalan	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (01/07/2009)
Encik Muhammad Halidin Das	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (01/07/2009)
Puan Mahnon Marsindi	Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 (KUP) (01/07/2009)

### CAHAYA MATA

- Prof. Madya Dr. Muhammad Azmi dan Dr. Roslinda Shamsudin - Amsyar Bin Muhammad Azmi
- Pn. Firdawati Zainal - Fatin Nur Firdauz Binti Mohd Nor Fairuz
- Encik Yusri Adzir - Ainul Husna Binti Yusri Adzir
- Dr. Chia Chin Hua - Amelia Chia Xin Yu

Tahniah diucapkan kepada mereka. Semoga kehadiran putera/puteri tersebut memeriah dan mencerikan lagi kehidupan.

### TAKZIAH

Dukacita dimaklumkan bahawa **Ibu** kepada **Dr. Irman Abdul Rahman**, pensyarah di program Sains Nuklear, PPFG telah kembali ke rahmatullah pada **23 September 2009**.

Warga PPFG mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarhamah. Semoga roh Allahyarhamah dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang solehah. Al-Fatihah.